

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 6 TAHUN 2016**

**DASAR PENGELUARAN / PENGAMBILAN BAHAN BATUAN DARI SUNGAI –
SUNGAI UTAMA NEGERI KELANTAN
SECARA TENDER**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 25/2015 yang bersidang pada 9 Disember 2015 melalui Kertas Bil. 25/2015/D 11 (132) telah membuat keputusan dan meluluskan satu dasar berkaitan pengeluaran / pengambilan bahan batuan dari sungai-sungai utama negeri Kelantan secara tender.

2. Kaedah pelaksanaan dasar ini akan dimulakan dengan tender dibuka kepada mana-mana syarikat-syarikat yang berkeupayaan melaksanakan aktiviti pengeluaran pasir dan mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM500,000.00.
3. Pentadbir Tanah Jajahan akan mengenalpasti kawasan-kawasan yang mempunyai deposit bahan batuan yang tinggi untuk membolehkan bahan batuan itu dibuka kepada tender. Pentadbir Tanah Jajahan dengan mengambilkira pandangan pihak Jabatan Teknikal berkenaan akan membuat anggaran jumlah kuantiti pasir bagi kawasan yang akan ditender.
4. Kawasan yang dikenalpasti akan diangkat ke satu Jawatankuasa Teknikal Tender bagi membuat penilaian untuk menentukan kawasan yang munasabah untuk dibuka kepada tender. Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli-ahli sebagaimana berikut:

Pengerusi : YABhg. Dato Pengarah Tanah Dan Galian
Ahli-Ahli : YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri
YABrs. Pengarah Jabatan Kerjaraya Negeri
YABrs. Pengarah Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri
YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri
YABrs. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
YABrs. Pentadbir Tanah Jajahan Berkenaan.

5. Kawasan yang diputuskan untuk ditender akan diangkat ke Jawatankuasa Khas Tender Pengambilan Pasir Sungai-Sungai Utama Negeri Kelantan (selepas ini disebut sebagai jawatankuasa) bagi mendapat perakuan untuk diiklankan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli-ahli sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil 5/2016 yang dipengerusikan oleh YB Dato Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

6. Tender yang diterima akan ditimbang dan diperakukan oleh jawatankuasa sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Pihak Berkuasa Negeri tidak terikat dengan apa-apa perakuan daripada Jawatankuasa dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.

7. Antara Terma-Terma Rujukan:

- 7.1 Harga Rizab bagi pengambilan pasir di sungai Kelantan ialah RM3.00 / Meter Padu.
- 7.2 Pihak Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tawaran tender.
- 7.3 Pengusaha akan melantik Juruukur Berlesen bagi membuat plan ukur terperinci (Detailed Map Survey) termasuk plan kawasan, plan tapak dan plan keratan rentas sebagai asas bagi menentukan nilai jumlah pembayaran kepada kerajaan. Pelantikan Juruukur Berlesen hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah Tanah Dan Galian terlebih dahulu.

- 7.4 Petender yang berjaya hendaklah mengemukakan permohonan Lesen Pendudukan Sementara dan permit pemindahan bahan batuan dibawah seksyen 69 Kanun Tanah Negara 1965 berserta bayaran deposit sebanyak RM1.00 / Meter Padu kepada kerajaan.
- 7.5 Segala kos berkaitan penyediaan prasarana bagi pengeluaran pasir seperti alatan dan jentera, kos penyediaan jalan masuk (termasuk kos pengambilan tanah jika ada) adalah dibawah tanggungan pengusaha.
- 7.6 Pengusaha perlu mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa dari mana-mana agensi yang berkaitan dan sebarang kos yang timbul dari apa-apa pelanggaran mana-mana peraturan dan undang-undang itu akan terletak dibawah tanggungan pengusaha.
- 7.7 Pengusaha hendaklah memulihara sebarang kerosakan terhadap alam sekitar yang mungkin berlaku akibat aktiviti yang dijalankan.
- 7.8 Deposit Infrastruktur dan pemulihan tanah juga akan dikenakan kepada pengusaha dan akan dimasukkan ke dalam satu tabungan khas pemulihan.

8. Tender pengambilan pasir dari Sungai-Sungai Utama Negeri Kelantan akan dikeluarkan kepada satu (1) pengusaha bagi setiap jajahan yang terlibat.

9. Tender ini adalah terbuka kepada semua syarikat yang berwibawa, berkemampuan dan berkeupayaan termasuk syarikat-syarikat asing yang dibenarkan dan tertakluk kepada seksyen 433B Kanun Tanah Negara 1965.

10. Tempoh tender yang akan diberikan ialah selama 15 tahun dan dibenarkan dilanjutkan sebanyak dua kali pembaharuan dengan tertakluk kepada tempoh maksimum 21 tahun. Kajian semula bagi harga bahan batuan yang diambil akan dibuat setiap lima (5) tahun sekali.


11. Pengeluaran bahan batuan dari sungai-sungai utama ini terhad untuk kegunaan dalam negeri sahaja. Walaubagaimanapun, kebenaran/kelulusan khas daripada Pihak Berkuasa Negeri jika bahan batuan itu ingin dipindahkan keluar sempadan negeri. Permit pemindahan keluar negeri dan bayaran berkaitan akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

12. Pengusaha boleh menjual pasir atau bahan batuan kepada lain-lain pengusaha kecil dengan atau secara runcit dengan syarat harga yang dikenakan adalah 20% lebih rendah dari harga jualan biasa.

13. Projek-projek pembangunan yang diluluskan oleh kerajaan akan dimaklumkan supaya mengambil pasir dan bahan batuan daripada syarikat pengusaha yang menjalankan aktiviti pengeluaran pasir di sungai-sungai utama negeri ini atau pun daripada pengusaha-pengusaha kecil yang mengambil pasir daripada syarikat pengusaha berkenaan.

14. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan pemakaian kepada dasar ini dan menawarkan mengikut kaedah dan cara yang difikirkan sesuai dan munasabah untuk berbuat demikian.

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTG Bil. 5/2016 dan berkuatkuasa serta-merta.



.....
DATU' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD D.P.S.K(Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**BERTARIKH : 15HB. APRIL 2016
NO. FAIL : PTG.PKP. 16/4**